

12/10/2003

Serang Syria helah Zionis heret AS: Dr Mahathir

Ziauddin Sharuddin; Ridzuan Yop

CYBERJAYA: Perdana Menteri mendedahkan, serangan terhadap Syria Ahad lalu adalah helah Israel untuk mengheret dan membabitkan Amerika Syarikat menawan negara itu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Israel sebelum ini menggesa Amerika Syarikat supaya menawan Syria, tetapi kuasa besar itu keberatan memenuhi permintaan itu.

"Saya berpandangan Israel kini memaksa Amerika Syarikat menawan Syria. Sekarang Amerika terpaksa menyokong jika tidak, Presiden Bush akan kehilangan undi Yahudi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditanya pemberita mengenai kemelut Timur Tengah yang semakin bergolak akibat serangan itu dan keputusan Amerika Syarikat mengenakan sekatan terhadap Syria.

Dr Mahathir berkata demikian selepas merasmikan bangunan dan makmal penyelidikan dan pembangunan InventQjaya di sini, semalam. InventQjaya adalah projek usaha sama kerajaan dan Reveo Inc dari Amerika Syarikat.

Ahad lalu, jet pejuang Israel mengebom sebuah tempat di Syria yang didakwa menjadi markas latihan penganas selepas seorang pengebom berani mati Palestin meletupkan dirinya dan membunuh 19 rakyat Israel.

Israel mendakwa Syria turut bertanggungjawab kerana kumpulan Jihad Islam mempunyai pejabat di Damsyik dan negara itu menyokong perjuangan kumpulan itu di Palestin.

Bagaimanapun, kerajaan Syria menafikan dakwaan itu dan menyatakan pejabat kumpulan itu sudah ditutup.

Berbekalkan alasan Israel, Amerika Syarikat mendakwa Syria adalah negara penganjur keganasan dan mengenakan beberapa sekatan terhadap negara itu, terutama senjata.

Perdana Menteri berkata, tidak banyak yang boleh dilakukan oleh negara lain untuk menentang ketidakadilan itu.

"Perkara ini boleh dibawa ke peringkat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), tetapi persoalannya ialah apa yang PBB boleh buat.

"Pertubuhan Negara-Negara Berkecuali (NAM yang Malaysia kini adalah Pengerusi) juga mengutuk tindakan itu, tetapi kutukan demi kutukan. Itulah segalanya," katanya.

Mengulas apa yang Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) boleh lakukan, katanya OIC boleh pergi berperang, tetapi OIC sebenarnya tidak mempunyai keupayaan untuk bertindak begitu.

"Inilah masalahnya dunia Islam. Jika kita biarkan diri kita lemah, kita akan dibuli," katanya.

Sementara itu mengulas kenyataan Perdana Menteri Australia, John Howard, yang berkata tidak akan mengendahkan kecaman Dr Mahathir bahawa Australia adalah negara penumpang di Asia dan bertindak sebagai pembantu Amerika syarikat, beliau berkata: "Saya serahkan kepada pengganti."